



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

[www.staripoh.com](http://www.staripoh.com)

[staripoh@yahoo.com](mailto:staripoh@yahoo.com)

Kod Sek. : AEB 2050

No. Tel : 05-5457733

No. Faks : 05-5467000

*"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"*

Kepada,

Ruj.Kami : STAR/06/05/2011( )

Tarikh : 20 Januari 2011

Yang Berbahagia

Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,  
Ibubapa / Penjaga Pelajar Baru Tingkatan 4, Sesi Persekolahan 2012  
Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh.

Yang Berbahagia

Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

*Assalamualaikum WBT*

## MAKLUMAN-MAKLUMAN PENTING SEMASA, PERATURAN SEKOLAH DAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU TINGKATAN 4 BAGI TAHUN 2012 SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN, IPOH

Perkara di atas adalah berkaitan. Tahniah atas terpilihnya anak **Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan** sebagai pelajar **Tingkatan 4, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh.**

2. Sukacita dimaklumkan, beberapa makluman penting semasa, peraturan sekolah dan pendaftaran bagi tahun 2012 yang perlu diberi perhatian seperti berikut :

### 2.1 Hari Pendaftaran Untuk Pelajar Baru Tingkatan 4, Sesi Persekolahan 2012

Pendaftaran pelajar untuk pelajar Tingkatan 2, 3, 4 dan 5 bagi sesi persekolahan adalah seperti ketetapan di bawah :-

Tarikh : 31 Januari 2012 (Selasa)

Masa : 8.30 pagi

Taklimat Rasmi : 9.00 Pagi

Tempat : Dewan STAR

**Kehadiran ibubapa/penjaga** sewaktu taklimat rasmi **amatlah dialu-alukan** untuk mengetahui maklumat-maklumat penting terkini dari pihak sekolah.

### 2.2 Keperluan Harian Pelajar

Pihak kami memohon kerjasama dari ibu bapa agar dapat melengkapkan keperluan anak masing-masing mengikut keperluan dengan secukupnya. Pihak kami percaya keperluan secukupnya pada anak masing-masing akan dapat mengelakkan dari kejadian kecurian.

Bersama ini disertakan senarai semak (minima), Lampiran A - keperluan pelajar untuk tindakan **Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan.**

### 2.3 Borang Keselamatan dan Surat Aku Janji

Sila bawa bersama **Borang Keselamatan** (Lampiran D) dan **Surat Aku Janji** (Lampiran E) semasa pendaftaran.

### 2.4 Pakaian Semasa Hari Pendaftaran

Pakaian semasa hari pendaftaran adalah **pakaian sekolah** iaitu **kemeja putih lengan pendek** dan **seluar slack panjang putih.**

## 2.5 Bayaran Yuran Asrama Tahun 2012

- 2.5.1. Ibu bapa bolehlah **membuat bayaran secara tunai** pada hari pendaftaran dengan guru kelas masing-masing.
- 2.5.2. Kadar yuran yang dikenakan kepada pelajar adalah berdasarkan kategori iaitu **Kategori A - Pelajar Projek Khas, Kategori B - Pelajar Yang Ibu Bapa / Penjaga Berpendapatan RM 4,999.00 sebulan dan Ke Bawah dan Kategori C - Yang Ibu Bapa / Penjaga Berpendapatan RM 5,000.00 sebulan dan Ke Atas.**
- 2.5.3. Kadar yuran yang dikenakan bolehlah dilihat di **Lampiran F**
- 2.5.4. Kadar **Yuran PIBG Tahun 2012** akan dimaklumkan kemudian.

## 2.6 Peraturan Sekolah dan Displin Pelajar

Displin adalah antara elemen terpenting yang menentukan kejayaan seseorang dan sekaligus memberi kesan kepada kejayaan sesebuah institusi. Bagi memastikan harapan ini, STAR Ipoh sangat komited dan terus berusaha bagi mengekalkan keunggulan sebagai sebuah sekolah yang terbaik dari segi pencapaian akademik dan sahsiah pelajarannya. Berkaitan dengan ini STAR Ipoh akan menguatkuasakan peraturan yang sedia ada bagi memastikan pelaksanaan aktiviti harian pelajar tidak terganggu seperti di bawah.

## 2.7 Buku Sistem Penalti dan Buku Rekod Penghuni Asrama

Pada tahun 2012, pihak Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh telah memperkenalkan **Buku Sistem Penalti** dan **Buku Rekod Penghuni Asrama** bagi **meningkatkan sahsiah serta menjaga kebajikan pelajar**. Setiap buku ini dikenakan bayaran sebanyak **RM 4.00 (Ringgit Malaysia Empat Sahaja)**. Oleh itu, setiap pelajar dikehendaki membayar sebanyak **RM 8.00 (Ringgit Malaysia Lapan Sahaja)** serta menyerahkan 2 keping foto berukuran pasport sewaktu hari pendaftaran ke asrama. **Denda** akan dikenakan sekiranya pelajar menghilangkan buku tersebut bagi mendapatkan buku yang baharu.

## 2.8 Masa Melawat pada Cuti Hujung Minggu atau Cuti Am, Peraturan Lawatan dan Penitipan Barang Keperluan

### 2.8.1 Masa Lawatan

Ibu bapa dibenarkan melawat anak masing-masing seperti ketetapan berikut :

Hari Jumaat : **Jam 2.30 ptg hingga 6.00 ptg ;**  
Hari Sabtu dan Cuti AM : **Selepas jam 10.30 pagi hingga 6.00 ptg;**  
Hari Ahad : **Selepas jam 12.30 tgh hari hingga 6.00 ptg;**  
Hari-hari lain : **Hal-hal kecemasan sahaja & perlu mendapatkan kebenaran warden bertugas.**

### 2.8.2 Peraturan Lawatan

Pihak kami juga memohon jasa baik tuan / puan untuk mencatatkan maklumat diri pada Buku Rekod Lawatan yang disediakan di Pondok Pengawal apabila diminta berbuat demikian oleh Pengawal Bertugas. Sila berikan kerjasama kepada Pengawal Bertugas, kerana mereka menjalankan tugas atas arahan pentadbiran demi keselamatan anak-anak **Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan** juga.

### 2.8.3 Penitipan Barang Keperluan Pelajar

Ibu bapa yang ingin memberikan barang-barang keperluan kepada anak masing-masing pada **hari bukan pada waktu lawatan**, bolehlah berbuat demikian dengan **menitipkannya di pejabat sekolah** ataupun di **balai pengawal**.

## 2.9 Pulang bermalam pada hujung minggu yang dibenarkan/bercuti.

2.9.1 Semua ibu bapa **diwajibkan memohon kebenaran secara bertulis selewat-lewatnya 3 hari** sebelum tarikh pulang bermalam pada **minggu pulang bermalam yang telah ditetapkan**. Surat-surat permohonan hendaklah di hantar terus kepada Pengetua STAR Ipoh atau melalui faks yang bernombor 05-5467000 (Pejabat STAR Ipoh). Jadual dan peraturan pulang bermalam seperti di lampiran G.

2.9.2 Pelajar tidak akan dibenarkan pulang sekiranya tidak ada permohonan bertulis daripada ibu bapa. Perkara ini dibuat bagi mengelakkan pelajar pergi ke tempat lain tanpa pengetahuan ibu bapa masing-masing.

2.9.3 Para pelajar dibenarkan pulang selepas waktu persekolahan.

2.9.4 Pelajar yang pulang ke rumah, **diwajibkan** mendapatkan tandatangan ibu bapa / penjaga didalam **Buku Rekod Penghuni Asrama** masing-masing.

## 2.10 Masuk ke Asrama

**Asrama adalah kawasan larangan.** Pihak kami memohon kerjasama untuk ibu bapa tidak masuk ke asrama untuk tujuan berjumpa pelajar. Sila berurusan dengan warden bertugas yang bertugas di bilik warden pada masa tersebut.

Perjumpaan dengan pelajar hanyalah ditempat-tempat yang dibenarkan seperti di gazebo, Balai Hinggap, Anjung Tamu dan lain-lain lagi.

## 2.11 Wang Saku Pelajar

Para pelajar **tidak digalakkan** menyimpan wang saku sendiri dalam jumlah yang besar pada sesuatu masa (tidak digalakkan menyimpan **melebihi RM 20.00**). Ini adalah untuk mengelakkan dari kehilangan. Para pelajar telah dimaklumkan agar mereka menyimpannya pada warden atau guru penasihat masing-masing. Pihak sekolah juga telah menyediakan perkhidmatan mesin ATM CIMB Bank di pintu pagar utama sekolah. Pelajar digalakkan mempunyai kad ATM masing-masing serta boleh mengeluarkan wang pada **kadar minimum RM 10.00**

## 2.12 Penggunaan Barang Terlarang

Penggunaan barang terlarang oleh para pelajar adalah dilarang sama sekali. Pihak kami amat berharap agar para **ibu bapa dapat bersama** bagi memastikan **barang terlarang tidak dibawa** bersama ke sekolah. Pihak sekolah **berhak untuk merampasnya serta tidak dikembalikan. Senarai barangan larangan** seperti Lampiran H. Bersama ini juga dilampirkan pekeliling daripada Kementerian Pelajaran Malaysia tentang **larangan penggunaan telefon bimbit di sekolah.**

3. Sekian, selamat bercuti untuk anak-anak pelajar. Semoga dapat bertemu kembali pada awal tahun hadapan.

Komitmen **Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan** didahulukan dengan ucapan terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Yang menurut perintah,



**HJ. ABDUL HASHIM BIN ABDUL KARIM, AMP., PPG.**

Pengetua Cemerlang,  
Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh.



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

## Unit Hal Ehwal Murid

### SENARAI KEPERLUAN SEKOLAH DAN ASRAMA TAHUN 2012

#### A. PAKEJ KEPERLUAN SEKOLAH YANG WAJIB DI BELI DI KOPERASI S.T.A.R.

BIL	PERKARA	KUANTITI MINIMA	HARGA (RM)
1	T-Shirt Rasmi*	1 helai	30.00
2	T-Shirt Pendidikan Jasmani*	1 helai	23.00
3	T-Shirt Rumah Sukan*	1 helai	22.00
4	Sampin*	1 helai	35.00
5	Tali Leher*	1 unit	15.00
6	Klip Tali Leher*	1 unit	6.00
7	Lencana*	2 Unit	4.00
8	Cadar & Sarung Bantal (Cop Sekolah)*	2 pasang	50.00
9	Kain Selimut (Cop Sekolah)*	1 helai	35.00
10	Set Buku Tulis	1 Set	20.00
<b>JUMLAH</b>			<b>240.00</b>

#### B. SENARAI KEPERLUAN YANG BOLEH DI BELI DI PASARAN LUAR SEKOLAH

BIL	PERKARA	KUANTITI MINIMA
1	Pakaian Seragam (uniform) - Sekolah - Kokurikulum - Baju Melayu Putih / Hitam (pengawas sahaja)	2 pasang 1 pasang 2 pasang
2	Songkok (hitam-baldu keras)*	1 unit
3	Kasut Kulit (hitam)*	1 pasang
4	Sarung Kaki Hitam*	5 pasang
5	Seluar Slack Hitam	2 helai
6	Seluar Track Hitam	1 helai
7	Kasut Sukan	1 Pasang
8	Peralatan Sukan	Bawa Sendiri
9	Bantal	1 unit (ukuran standard)
10	Tuala Mandi	2 helai
11	Butang Baju Melayu*	1 unit
12	Jam Loceng*	1 unit
13	Berus Kasut*	1 unit
14	Pengilap Kasut*	1 unit
15	Minyak Rambut*	1 unit
16	Pemotong Kuku*	1 unit
17	Syampu*	1 unit
18	Berus Gigi*	1 unit
19	Ubat Gigi*	1 unit
20	Sudu Garfu*	1 pasang
21	Cawan / Mug*	1 unit
23	Sabun Mandi*	1 unit
24	Al-Mathurat & Surah Yaasin*	1 Unit
25	Serbuk Pencuci & Pewangi Pakaian	1 unit
26	Berus Pakaian	1 unit
27	Baldi	1 unit
28	Penyangkut dan Penyepit Baju	Secukupnya
29	Sampul beralamat ibubapa dan berstem RM 1.00	6 unit
30	Lain-lain pakaian / peralatan yang perlu sahaja	Secukupnya

Nota :

- \* Barang-barang ini wajib ada ketika pemeriksaan (*inspection*) pagi setiap hari Ahad;
- Pengurusan STAR Ipoh tidak menggalakkan pelajar membawa dan menggunakan pakaian / peralatan peribadi yang berjenama mahal bagi mengelakkan kehilangan / kecurian.
- Pihak sekolah **tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa** jika berlaku kehilangan terhadap barang-barang tersebut di atas.



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

*Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak darul Ridzuan*

## UNIT DISIPLIN

### PERATURAN PAKAIAN PELAJAR

BIL	PERKARA	PAKAIAN
1.	<b>PERSEKOLAHAN HARI ISNIN, SELASA DAN KHAMIS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU KEMEJA PUTIH</li> <li>➤ SELUAR SLACK PUTIH</li> <li>➤ KASUT HITAM</li> <li>➤ TALI LEHER SEKOLAH</li> <li>➤ KLIP TALI LEHER SEKOLAH</li> <li>➤ TANDA NAMA</li> <li>➤ LENCANA SEKOLAH (<i>BADGE</i>)</li> </ul>
2.	<b>PERSEKOLAHAN HARI RABU</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ PAKAIAN PASUKAN BERUNIFORM</li> <li>➤ KASUT HITAM</li> <li>➤ TANDA NAMA</li> </ul>
3.	<b>PERSEKOLAHAN HARI JUMAAT</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU MELAYU RASMI SEKOLAH</li> <li>➤ SAMPIN RASMI</li> <li>➤ SONGKOK</li> <li>➤ KASUT HITAM</li> <li>➤ TANDA NAMA</li> <li>➤ LENCANA SEKOLAH (<i>BADGE</i>)</li> </ul>
4.	<b>WAKTU PENDIDIKAN JASMANI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ T-SHIRT PENDIDIKAN JASMANI</li> <li>➤ SELUAR TRACK HITAM KASUT SUKAN</li> <li>➤ TANDA NAMA</li> </ul>
5.	<b>SOLAT JUMAAT</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU MELAYU RASMI SEKOLAH</li> <li>➤ SAMPIN RASMI</li> <li>➤ SONGKOK</li> <li>➤ SANDAL/KASUT HITAM</li> <li>➤ LENCANA SEKOLAH (<i>BADGE</i>)</li> </ul>
6.	<b>PULANG BERMALAM /BERCUTI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU T-SHIRT RASMI SEKOLAH</li> <li>➤ SELUAR SLACK HITAM</li> <li>➤ KASUT HITAM</li> </ul>
7.	<b>KELUAR HUJUNG MINGGU (<i>OUTING</i>)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU KEMEJA PUTIH</li> <li>➤ SELUAR SLACK PUTIH</li> <li>➤ KASUT HITAM</li> <li>➤ LENCANA SEKOLAH (<i>BADGE</i>)</li> </ul>
8.	<b>PROGRAM / AKTIVITI KE LUAR SEKOLAH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU T-SHIRT RASMI SEKOLAH</li> <li>➤ SELUAR SLACK HITAM</li> <li>➤ KASUT HITAM</li> </ul>
9.	<b>KELAS PERSEDIAAN (SETIAP MALAM KECUALI MALAM AHAD)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU MELAYU PUTIH</li> <li>➤ SELUAR SLACK HITAM</li> <li>➤ SONGKOK</li> <li>➤ SANDAL</li> </ul>
10.	<b>KELAS BINA ILMU (SETIAP PAGI AHAD)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ BAJU T-SHIRT RASMI</li> <li>➤ SELUAR SLACK HITAM</li> <li>➤ KASUT KULIT HITAM</li> </ul>



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

## Unit Hal Ehwal Murid




### PERATURAN WAKTU PEMERIKSAAN (*INSPECTION*) PAGI AHAD

#### A. Susunan barang wajib ada ketika *inspection*

1. Songkok
  2. Baju Melayu (1 pasang)
  3. Sampin
  4. Baju *T-Shirt* Rasmi
  5. Baju *T-Shirt* Pendidikan Jasmani
  6. Baju *T-Shirt* Rumah
  7. Butang Baju Melayu
  8. Pengetip Kuku
  9. Jam Loceng
  10. Minyak Rambut
  11. Sudu - Garfu
  12. Cawan / *mug*
  13. Berus kasut / Pengilat Kasut
  14. Buku Undang-Undang
  15. Al-Mathurat & Surah Yaasin
  16. Buku Rekod Penghuni Asrama
  17. Kasut Sukan
  18. Selipar / Sandal
  19. Alatan Mandi (Berus Gigi, Ubat Gigi, Syampu, Sabun Mandi) – Diletakkan dalam bekas
  20. Tali Leher
  21. Klip Tali Leher Sekolah
  22. Tanda Nama
  23. Lencana Sekolah
  24. Stokin Hitam
  25. Kasut Sekolah
- A. Bantal  
B. Cadar  
C. Selimut  
D. Tempat pelajar berdiri

Dipakai ketika waktu *inspection*



#### B. Peraturan Tambahan

- ✓ SETIAP PELAJAR WAJIB MEMATUHI PERATURAN INI;
- ✓ PELAJAR PERLU BERSEDIA SEBELUM / PADA JAM 8.00 PAGI
- ✓ KEKEMASAN PAKAIAN, RAMBUT, KASUT (DIKILATKAN) DAN ALMARI AKAN DIPERIKSA PADA SETIAP PELAJAR;

\* Sila lekatkan dalam almari anda

**UNIT DISIPLIN DAN MAJLIS WARDEN**



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Unit Hal Ehwal Murid

## BORANG KESELAMATAN

Gambar

### A. MAKLUMAT PERIBADI

Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
Tingkatan : \_\_\_\_\_ Rumah : \_\_\_\_\_  
Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_ No. K/P : \_\_\_\_\_  
Bilangan Saudara : \_\_\_\_\_ Anak Ke : \_\_\_\_\_  
Penyakit\* : Lelah / Jantung / Sawan / Kulit / Migrain Yg Kronik / Alahan /  
Lain-Lain : \_\_\_\_\_  
Golongan Darah : \_\_\_\_\_ No. H/P : \_\_\_\_\_  
E-Mail : \_\_\_\_\_

\*Gariskan dibawah yang berkenaan/ nyatakan penyakit yang lain/ kosongkan jika tidak berkenaan

### B. MAKLUMAT IBUBAPA/PENJAGA

Nama Bapa/Penjaga : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan : \_\_\_\_\_  
Pendapatan : \_\_\_\_\_ No. H/P : \_\_\_\_\_  
No. Tel (P)/(R) : \_\_\_\_\_ E-Mail : \_\_\_\_\_  
Nama Ibu Penjaga : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan : \_\_\_\_\_  
Pendapatan : \_\_\_\_\_ No. H/P : \_\_\_\_\_  
No. Tel (P)/(R) : \_\_\_\_\_ E-Mail : \_\_\_\_\_  
Alamat Rumah : \_\_\_\_\_

### C. MAKLUMAT WARIS TERDEKAT YANG BOLEH DIHUBUNGI WAKTU KECEMASAN / DIBENARKAN MENJEMPUT DI SEKOLAH

Nama Waris : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
No. H/P : \_\_\_\_\_ No. Tel (P)/(R) : \_\_\_\_\_  
Hubungan Dengan Pelajar : \_\_\_\_\_

### D. PENGAKUAN IBUBAPA/PENJAGA

Saya mengaku bahawasanya semua maklumat yang diberikan benar semuanya.

.....  
( \_\_\_\_\_ )  
Tandatangan dan nama ibubapa/penjaga

Tarikh : \_\_\_\_\_



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

*Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.*

## Unit Hal Ehwal Murid

Gambar

### SURAT AKU JANJI PELAJAR

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_ No. K/P : \_\_\_\_\_

Saya yang bernama seperti di atas dengan ini mengaku bahawa saya bersetuju akan mematuhi segala peraturan sekolah / asrama selama saya belajar di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh ini. Sekiranya saya melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan, saya sanggup dan bersedia menerima sebarang bentuk hukuman yang berkaitan setimpal dengan kesalahan yang saya telah lakukan. Pesetujuan ini dibuat atas kesedaran dan kerelaan hati saya sendiri tanpa desakan atau paksaan mana-mana pihak.

.....  
Tandatangan pelajar

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

### PENGAKUAN IBUBAPA/PENJAGA

Saya \_\_\_\_\_ penjaga kepada \_\_\_\_\_ mengakui bahawa anak jagaan saya tersebut tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh. Saya bersetuju untuk sentiasa menasihati dan mengingatkan anak jagaan saya supaya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah ini. Saya memberi sepenuh kepercayaan kepada pihak sekolah untuk mengendali dan menyelesaikan kes disiplin yang melibatkan anak saya.

.....  
Tandatangan ibubapa/penjaga

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

### AKUAN TIDAK MEMBAWA BARANG-BARANG LARANGAN

Saya \_\_\_\_\_ ibubapa/penjaga kepada \_\_\_\_\_ pelajar tingkatan \_\_\_\_\_, Rumah \_\_\_\_\_, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh dengan ini mengaku bahawa anak jagaan saya tidak membawa barang-barang yang dilarang oleh pihak sekolah sebagaimana yang termaktub dalam peraturan Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh. Sekiranya anak jagaan saya membawa barang-barang tersebut, pihak sekolah berhak mengenakan tindakan yang sewajarnya seperti barang larangan tersebut dirampas. Saya faham akan tugas pihak sekolah untuk melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan demi kepentingan bersama. Saya juga akur bahawasanya pihak sekolah berhak untuk tidak mengembalikan barang rampasan tersebut.

.....  
Tandatangan ibubapa/penjaga

.....  
Tandatangan pelajar

Nama : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

## YURAN TAHUN 2012

### **BAHAGIAN A - KUTIPAN BAYARAN ASRAMA TINGKATAN 1,2, 3, 4 DAN 5**

Bayaran boleh di buat secara tunai atau cek atas nama:

**PENGETUA SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN, IPOH, PERAK.**

#### **Kategori A – Pelajar Projek Khas**

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Tingkatan				
		Satu	Dua	Tiga	Empat	Lima
1	Yuran Makan Asrama	RM125.00	RM125.00	RM125.00	RM125.00	RM125.00
2	Kebajikan Asrama	RM 10.00	RM10.00	RM10.00	RM10.00	RM10.00
3	Wang Cagaran Asrama	RM 30.00	-	-	RM30.00**	-
4	Dobi	RM110.70	RM110.70	RM110.70	RM110.70	RM110.70
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>RM275.70</b>	<b>RM245.70</b>	<b>RM245.70</b>	<b>RM275.70**</b>	<b>RM245.70</b>

\*\* - bagi pelajar baru Tingkatan Empat sahaja.

#### **Kategori B - (Ibubapa/ Penjaga berpendapatan RM4999.00 sebulan dan ke bawah)**

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Tingkatan				
		Satu	Dua	Tiga	Empat	Lima
1	Yuran Makan Asrama	RM250.00	RM250.00	RM250.00	RM250.00	RM250.00
2	Kebajikan Asrama	RM 10.00	RM10.00	RM10.00	RM10.00	RM10.00
3	Wang Cagaran Asrama	RM 30.00	-	-	RM30.00**	-
4	Dobi	RM110.70	RM110.70	RM110.70	RM110.70	RM110.70
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>RM400.70</b>	<b>RM370.70</b>	<b>RM370.70</b>	<b>RM400.70**</b>	<b>RM370.70</b>

\*\* - bagi pelajar baru Tingkatan Empat sahaja.

#### **Kategori C - (Ibubapa/ Penjaga berpendapatan RM5000.00 sebulan dan ke atas)**

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Tingkatan				
		Satu	Dua	Tiga	Empat	Lima
1	Yuran Makan Asrama	RM750.00	RM750.00	RM750.00	RM750.00	RM750.00
2	Kebajikan Asrama	RM 10.00	RM10.00	RM10.00	RM10.00	RM10.00
3	Wang Cagaran Asrama	RM 30.00	-	-	RM30.00**	-
4	Dobi	RM110.70	RM110.70	RM110.70	RM110.70	RM110.70
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>RM900.70</b>	<b>RM870.70</b>	<b>RM870.70</b>	<b>RM900.70**</b>	<b>RM870.70</b>

\*\* - bagi pelajar baru Tingkatan Empat sahaja.

### **BAHAGIAN B - KUTIPAN BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN PIBG**

Kadar Yuran PIBG Tahun 2012 akan dimaklumkan kemudian.



# SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN

*Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.*

## Unit Hal Ehwal Murid

### JADUAL CUTI SEKOLAH DAN PERATURAN PULANG BERMALAM TAHUN 2012

#### A. JADUAL CUTI SEKOLAH DAN PULANG BERMALAM

BIL.	BULAN	TARIKH	JUMLAH HARI	CATATAN
1.	Januari	21 Jan 2012 - 29 Jan 2012	9	Cuti Tahun Baru Cina
2.	Februari	-	-	-
3.	Mac	10 Mac 2012 - 18 Mac 2012	9	Cuti Pertengahan Penggal 1
4.	April	28 April 2012 - 29 April 2012	2	Pulang Bermalam**
5.	Mei	26 Mei 2012 - 10 Jun 2012	16	Cuti Pertengahan Tahun
6.	Jun			
7.	Julai	21 Julai 2012 - 22 Julai 2012	2	Pulang Bermalam (Awal Ramadhan)**
8.	Ogos	18 Ogos 2012 - 26 Ogos 2012	9	Cuti Pertengahan Penggal 2 (Hari Raya Aidilfitri)
9.	September	29 Sept 2012 - 30 Sept 2012	2	Pulang Bermalam**
10.	Oktober	25 Okt 2012 - 28 Okt 2012	4	Cuti Hari Raya Aidil Adha
11.	November	10 Nov 2012 - 1 Jan 2013	53	Cuti Akhir Tahun

\*Tertakluk pada perubahan terutamanya pelajar PMR dan SPM. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pelajar.

\*\*Perlu surat permohonan pulang bermalam dari ibu bapa.

#### B. PERATURAN PULANG BERMALAM

1. Semua ibu bapa **diwajibkan memohon kebenaran secara bertulis selewat-lewatnya 3 hari** sebelum tarikh pulang bermalam pada **minggu pulang bermalam yang telah ditetapkan**. Surat-surat permohonan hendaklah di hantar terus kepada Pengetua STAR Ipoh atau melalui faks yang bernombor 05-5467000 (Pejabat STAR Ipoh).
2. Pelajar **tidak akan dibenarkan pulang** sekiranya **tidak ada permohonan bertulis** daripada ibu bapa. Perkara ini dibuat bagi **mengelakkan** pelajar pergi ke tempat lain tanpa pengetahuan ibu bapa masing-masing.
3. Para pelajar dibenarkan pulang **selepas waktu persekolahan**.
4. Pelajar dikehendaki **memakai pakaian** yang telah ditetapkan.
5. Pelajar mestilah **menunjukkan kebenaran** oleh warden dalam **Buku Rekod Penghuni Asrama** sewaktu **keluar dan masuk** kawasan sekolah kepada pengawal keselamatan yang bertugas.
6. Pelajar yang pulang ke rumah, **diwajibkan** mendapatkan tandatangan ibu bapa / penjaga didalam **Buku Rekod Penghuni Asrama** masing-masing.
7. Pelajar mesti sampai ke sekolah **selewat-lewatnya jam 6.00 petang** hari terakhir cuti yang dibenarkan.

**SENARAI**  
**BARANG LARANGAN ASRAMA**  
**(Untuk Semua Sekolah SBP)**

1. Telefon bimbit, *sim card* dan *charger*.
2. Rokok / cerut / paip tembakau / daun rokok dan seumpamanya.
3. *Lighter* / mancis / lilin / pelita / bahan sumber api dan seumpamanya.
4. Barangan elektrik - pemanas air (*heater*), periuk elektrik, radio kaset / radio *transistor*(*walkman* *dibenarkan* ).
5. Barang perhiasan - gelang / cincin / rantai / anting-anting berantai / gelang kaki / kanta lekap berwarna / rambut palsu.
6. Pisau belati / pemotong sayur / buah / serbaguna (kecuali pisau *cutter* kecil ).
7. Tali pinggang berfesyen keterlaluan / berkepala besar / berbelang / bercorak.
8. Pakaian *jeans* / ala *jeans* (*poket bertampal* / *jahitan ala jeans*)
9. T-shirt bergambar artis / kumpulan tertentu / *rock* / *black metal*.
10. Pengecas bateri.
11. Komik / majalah hiburan / lucu (majalah ilmiah sahaja dibenarkan).
12. Potret @Poster artis / Poster berunsur politik / lucu
13. Pemilikan barang sekolah tanpa kebenaran
14. Mercun / bunga api / bahan letupan / bahan penghakis / cecair mudah terbakar dan seumpamanya.
15. Jenis pakaian yang tidak sopan / fesyen keterlaluan
16. Komputer riba (*lap-top*) / PDA./Komputer tablet
17. Semua permainan *games* seperti *brick games, game boy*, daun terup dan seumpamanya.
18. Semua jenis senjata berbahaya - buku lima, kerambit, parang, batang besi / kayu dan seumpamanya.
19. Kaset / CD / DVD filem berunsur seks, ganas, propaganda politik dan seumpamanya.
20. Teropong / *laser pointer*.
21. *Handycam* / kamera video / kamera digital atau kompak.
22. Permainan kawalan radio - kereta kawalan / pesawat kawalan.
23. Peralatan muzik - gitar, seruling, harmonika, piano dan seumpamanya.
24. Barangan jualan komersial untuk tujuan peribadi.
25. Dadah / inhalan / bahan pengkhayal lain.
26. *Play Station* /PSP/X-BOX/Wii dan seumpamanya.
27. Alatan visual – TV mini/ Reader kad/ MP3/MP4 dan seumpamanya.
28. Pemain VCD / DVD / *Discman* yang mempunyai sambungan wayar kepada TV.
29. Pembesar suara (*speaker*).
30. Pita kaset / CD berunsur *punk* / *skinhead* / *rock* / *black metal* dan seumpamanya.
31. Gula-gula getah (*chewing gum*)/Gula-gua.
32. Cermin mata hitam / kanta berwarna / berbingkai besar / berfesyen keterlaluan.
33. Seluar jenis ketat / tidak senonoh / menjolok mata
34. Semua jenis minuman memabukkan / beralkohol.
35. Bola tidak dibenarkan simpan / dibawa ke Asrama.
37. Pakaian / peralatan peribadi yang berjenama mahal.



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
*Office of Director-General of Education Malaysia*  
ARAS 8, BLOK E8  
*Level 8, Block E8,*  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
*Government Complex Parcel E,*  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*Federal Government Administrative Centre*  
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077  
Fax: 03-8889 4548  
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BS-Dsr)201/002/1 Jld.2( 2 )  
25 Mac 2009

Semua Pengarah Pelajaran Negeri,

YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/2009**  
**PENGUATKUASAAN LARANGAN MEMBAWA DAN MENGGUNA TELEFON**  
**BIMBIT OLEH MURID DI SEKOLAH**

Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid, Kementerian Pelajaran Malaysia yang bermesyuarat pada 17 Mac 2009 mendapati bahawa larangan membawa dan mengguna telefon bimbit oleh murid-murid di sekolah tidak dikuatkuasakan sepenuhnya oleh pihak sekolah.

2. Akibat daripada itu pelbagai masalah disiplin seperti kes kecurian, pergaduhan serta penyebaran bahan-bahan maklumat yang boleh mempengaruhi perlakuan yang negatif dalam kalangan murid sekolah yang berkaitan terus dengan penggunaan telefon bimbit kian meningkat. Disamping itu juga penggunaan telefon bimbit oleh murid di sekolah telah mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

3. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat ketetapan agar larangan penggunaan telefon bimbit oleh murid di dalam kawasan sekolah termasuk asrama sekolah hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya oleh pihak sekolah dengan **serta merta**. Bagi menguatkuasakan larang tersebut pihak sekolah hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:

- 3.1 Peraturan larangan penggunaan telefon bimbit oleh murid di sekolah hendaklah dimaklumkan kepada semua ibu bapa murid.
- 3.2 Pihak sekolah hendaklah memaklumkan dan memberi kefahaman kepada ibu bapa perkara berkaitan larangan ini menerusi mesyuarat PIBG dan mesyuarat permuafakatan peringkat sekolah.
- 3.3 Jika sekiranya ada murid yang melanggar peraturan ini, maka pihak sekolah boleh mengambil dan menyimpan telefon bimbit murid berkenaan.

- 3.4 Semua telefon bimbit yang diambil oleh pihak sekolah akan direkodkan dan disimpan di tempat yang selamat oleh pihak sekolah. Rekod kes perlu mengandungi maklumat;
- i. Tarikh, masa dan tempat telefon bimbit diambil;
  - ii. Jenis telefon bimbit yang diambil;
  - iii. Nama murid, nombor kad pengenalan serta tandatangan mereka;
  - iv. Nama guru yang mengambil telefon bimbit tersebut;
  - v. Nama ibu bapa, nombor kad pengenalan, tarikh, masa serta tandatangan ketika mengambil semula telefon bimbit anak mereka;
- 3.5 Ibu bapa murid yang terlibat akan dimaklum dengan segera, sebaik-baiknya pada hari yang sama, akan tindakan yang telah diambil terhadap anak mereka.
- 3.6 Ibu bapa juga hendaklah dimaklumkan bahawa mereka boleh menuntut semula telefon bimbit anak mereka daripada simpanan pihak sekolah.
- 3.7 Dalam kes-kes kecemasan, murid-murid hendaklah mengguna kemudahan-kemudahan telefon yang disediakan oleh sekolah.

4. Membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah dan asrama sekolah oleh murid-murid adalah merupakan satu kesalahan disiplin. Murid-murid yang telah sah didapati melanggar peraturan tersebut boleh diambil tindakan disiplin dengan mengenakan hukuman seperti berikut;

<b>Kesalahan Kali Pertama</b>	Diberi Amaran (murid dan ibu bapa perlu menandatangani Surat Aku Janji tidak mengulangi lagi perbuatan tersebut).
<b>Kesalahan Kali Kedua</b>	<p>Dilarang menggunakan kemudahan di sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah. Kemudahan, program atau aktiviti yang boleh dilarang sebagai hukuman termasuklah yang berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) tidak dibenar menggunakan kemudahan di perpustakaan, di pusat sumber atau apa-apa kemudahan lain untuk suatu tempoh tertentu;</li> <li>(b) tidak dibenar keluar daripada asrama pada mana-mana satu cuti hujung minggu atau cuti am;</li> <li>(c) tidak dibenar mengikuti program sekolah seperti perkhemahan dan lawatan untuk suatu tempoh tertentu; dan</li> <li>(d) tidak dibenar menggunakan kemudahan sukan atau mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum atau pertandingan sukan untuk suatu tempoh tertentu.</li> </ol>

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua yang bertanggungjawab di bawah Jabatan pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengtua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/ Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
**DATO' HJ. ALIMUDDIN BIN HJ. MOHD DOM**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YB. Dato' Seri Hishammuddin b. Tun Hussein  
Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
6. Pengarah-Pengarah Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Pengarah  
Institut Aminuddin Baki
8. Ketua Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia